

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN
TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) tahun 2023 akan dilaksanakan pada **4, 5 dan 6 September 2023** melibatkan tiga (3) mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Seramai **8,587** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPMU tahun 2023 di **204** pusat peperiksaan di seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan, seramai **1,639** petugas peperiksaan telah dilantik untuk Ujian Bertulis dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu serta **1,332** petugas peperiksaan untuk Ujian Bertutur Bahasa Melayu.

KPM mengingatkan semua calon peperiksaan SPMU tahun 2023 untuk merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan SPMU tahun 2023 boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan di pautan lp.moe.gov.my. Calon turut diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan boleh dimuat turun dari Sistem Pengurusan Peperiksaan Atas Talian di pautan sppat.moe.gov.my.

Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan SPMU tahun 2023.

KPM mengucapkan selamat menduduki peperiksaan kepada semua calon peperiksaan SPMU Tahun 2023.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
21 OGOS 2023**